



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Natori Awam (Pindaan) 1980
DR.15/1980

Naskah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Notari Awam 1959.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Notari Awam (Pindaan) 1980 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen kecil (1) seksyen 3 Akta Notari Awam 1959 adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "territories" yang terdapat di baris 4 dengan perkataan-perkataan "for such period".

Pindaan bagi seksyen 3. Akta 200.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Notari Awam 1959 untuk membolehkan Peguam Negara menghadkan perlantikan Notari Awam selama setahun atau lebih menurut budibicaranya, sebagaimana yang dinyatakan dalam surat perlantikannya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan.

[PN. (U²) 981.]